



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

POLISI OPERASI

**PENYELIAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
DI FASILITI KESIHATAN AWAM
Edisi 1**

**Program Kesihatan Awam
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**POLISI OPERASI PENYELIAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
DI FASILITI KESIHATAN AWAM
EDISI 1**

©Cetakan Pertama 2021

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:
Unit Perkembangan Profesion
(Penolong Pegawai Perubatan),
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga,
Aras 4, Blok 6, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya,
Malaysia.

KANDUNGAN

BIL.	TAJUK	MUKA SURAT
	Kata-Kata Aluan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Kementerian Kesihatan Malaysia	i
	Kata-Kata Aluan Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga Kementerian Kesihatan Malaysia	ii
	Kata-Kata Aluan Ketua Penolong Pegawai Perubatan (Kesihatan Awam) Kementerian Kesihatan Malaysia	iii
	Jawatankuasa Penyediaan Polisi Operasi Penyeliaan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan Di Fasiliti Kesihatan Awam	iv
	Penghargaan	v
1.	PENDAHULUAN	1
2.	ORGANISASI DAN PERKHIDMATAN	1 - 2
	2.1. Misi	
	2.2. Visi	
	2.3. Objektif	
	2.4. Struktur dan Pengurusan Penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan	
3.	SKOP PENYELIAAN	3 - 10
	3.1. Penyeliaan dan pemantauan	
	3.2. Pengurusan reten dan laporan	
	3.3. Pengurusan sumber	
	3.4. Pematuhan akta dan peraturan	
	3.5. Pengurusan latihan	
	3.6. Penyelidikan	
	3.7. Pengurusan bencana	
	3.8. Pengurusan kebakaran	
	3.9. <i>Credentialling and Privileging</i>	
	3.10. Keselamatan dan kesihatan pekerjaan	
	3.11. Keselamatan pesakit	
	3.12. Penyeliaan fasiliti dan penyelenggaraan peralatan	
	3.13. Pemantauan aktiviti kualiti	
	3.14. Pengurusan rekod dan dokumen	

BIL.	TAJUK	MUKA SURAT
4.	PENGLIBATAN DALAM LAIN-LAIN JAWATANKUASA	10 - 11
5.	HUBUNGAN DENGAN JABATAN / UNIT LAIN	11
5.1.	Hubungan Dalaman	
5.2.	Hubungan Luaran	
Lampiran 1 (a) -	Carta Pengurusan Penolong Pegawai Perubatan Kesihatan Awam Jabatan Kesihatan Negeri	12
Lampiran 1 (b) -	Carta Pengurusan Penolong Pegawai Perubatan Pejabat Kesihatan Daerah / Bahagian / Kawasan	13
Lampiran 1 (c) -	Carta Pengurusan Penolong Pegawai Perubatan Klinik Kesihatan	14
Lampiran 1 (d) -	Carta Pengurusan Penolong Pegawai Perubatan Klinik Komuniti	15
Lampiran 2 -	LAPORAN PENYELIAAN LAPORAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN FASILITI KESIHATAN AWAM	16
Lampiran 3 -	SENARAI ASPEK YANG DISELIA	17 - 24
Lampiran 4 (a) -	PANDUAN PELAKSANAAN LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN (PPP) KKM - JABATAN KESIHATAN NEGERI	25
Lampiran 4 (b) -	PANDUAN PELAKSANAAN LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN (PPP) KKM - PEJABAT KESIHATAN DAERAH / BAHAGIAN / KAWASAN (PKD/PKB/PKK)	26
Lampiran 4 (c) -	PANDUAN PELAKSANAAN LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN (PPP) KKM - KLINIK KESIHATAN (KK) DAN KLINIK KOMUNITI	27
Rujukan		28 - 29



KATA-KATA ALUAN

**Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia**

Tahniah diucapkan kepada Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga dan semua pihak yang terlibat kerana berjaya mewujudkan Polisi Operasi Penyeliaan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan di Fasiliti Kesihatan Awam bagi Edisi 1. Inisiatif penyediaan polisi ini adalah satu langkah yang amat bertepatan memandangkan perkhidmatan yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perubatan adalah penting bagi pengoperasian sesebuah fasiliti kesihatan supaya dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Polisi operasi ini juga diharap dapat dijadikan panduan kepada setiap Ketua dan Penyelia Penolong Pegawai Perubatan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan menitikberatkan segala piawaian dan peraturan yang perlu dipatuhi seperti mana yang dikehendaki oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dokumen yang komprehensif ini juga dapat membantu dalam menyeragamkan aktiviti penyeliaan perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan di fasiliti kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pastinya dokumen ini juga akan diterbitkan dalam beberapa edisi selaras dengan penambahbaikan dan keperluan perkhidmatan selari dengan peredaran masa bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan awam.

Selamat Maju Jaya.

DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG



KATA-KATA ALUAN

**Pemangku Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia**

Alhamdulillah, syukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya kita semua berjaya menghasilkan buku panduan yang disebut sebagai Polisi Operasi Penyeliaan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan Di Fasiliti Kesihatan Awam Edisi 1. Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku Polisi Operasi ini.

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM bertanggungjawab memastikan aktiviti penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan di fasiliti Kesihatan Awam dijalankan dengan teratur dan berkesan.

Justeru dengan adanya buku ini, ia akan dapat menyeragamkan pelaksanaan aktiviti penyeliaan di kalangan Ketua dan Penyelia Penolong Pegawai Perubatan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Bahagian, Daerah dan Kawasan serta di semua Klinik Kesihatan seluruh negara.

Dengan adanya buku ini juga, ia dapat memberi panduan dan menjadi bahan rujukan serta bagi melahirkan Penolong Pegawai Perubatan yang berkualiti, berketerampilan, mempunyai tahap amalan profesionalisme yang tinggi, berpengetahuan dan berkemahiran.

Syabas dan tahniah.

DR. NAZRILA HAIRIZAN BINTI NASIR



KATA-KATA ALUAN

**Ketua Penolong Pegawai Perubatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia**

Alhamdulillah, syukur kehadiran Illahi kerana dengan izin-Nya serta berkat usaha semua pihak maka terhasilah buku Polisi Operasi Penyeliaan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan Di Fasiliti Kesihatan Awam Edisi 1. Polisi ini bertujuan untuk memberi panduan dan tatacara melaksanakan aktiviti penyeliaan kepada semua Ketua dan Penyelia Penolong Pegawai Perubatan di bawah Program Kesihatan Awam bagi meningkatkan tahap kebolehpayaan mereka melaksanakan aktiviti penyeliaan dengan berkesan. Polisi ini juga menjelaskan tentang tanggungjawab mereka untuk memastikan peranan dan skop tugas anggota di bawah seliaan dapat dilaksanakan dengan betul, cekap dan berkesan.

Ketua dan Penyelia Penolong Pegawai Perubatan merupakan antara kumpulan pegawai yang diberi kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengawal dan memantau tugas-tugas anggota pasukan di bawah seliaannya. Justeru, beliau seharusnya mempunyai keupayaan dalam merancang (*planning*), mengelola (*organising*), menyelaras (*coordinating*), mengetuai (*leading*) dan mengawal (*controlling*) pasukannya. Saya menyarankan supaya pendekatan yang harus diambil adalah meliputi penentuan pergerakan dan penempatan, pengkhususan kerja, perancangan, penjadualan yang rapi serta pemilihan berdasarkan kesesuaian anggota.

Semoga penerbitan polisi ini akan melancarkan perkhidmatan serta memperkasakan lagi peranan Penolong Pegawai Perubatan serta anggota di bawah seliaannya.

HJ. AMIN ZAFRI BIN ABD RAHMAN

JAWATANKUASA PENYEDIAAN POLISI OPERASI PENYELIAAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN DI FASILITI KESIHATAN AWAM

PENASIHAT

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

PENGERUSI

Hj. Amin Zafri bin Abd Rahman
Ketua Penolong Pegawai Perubatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

SETIAUSAHA

Hj. Zainudin bin Yunus
Penolong Pegawai Perubatan U42
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

PENOLONG SETIAUSAHA

Hj. Nik Abdul Aziz bin Raja Soh
Penolong Pegawai Perubatan U42
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

AHLI JAWATANKUASA

Hj. Wan Muhamad Azman bin Wan Abdullah
Penolong Pegawai Perubatan U44
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Hj. Mohd Lazim bin Kadir
Penolong Pegawai Perubatan U44
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Hj. Mohd Zan bin Abdul Rahman
Penolong Pegawai Perubatan U44
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Hj. Jamal Abdul Nasir bin Sohaimi
Penolong Pegawai Perubatan U44
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Mohd Ezami bin Hamid
Penolong Pegawai Perubatan U42
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Abdul Shukor bin Salha
Penolong Pegawai Perubatan U44
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Hj. Salimi bin Ismail
Penolong Pegawai Perubatan U42
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Hj. Yusof bin Sadin
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Negeri (Kesihatan Awam) JKN Perlis

Hj. Mohamad Nasir bin Said
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Negeri (Kesihatan Awam) JKN Kedah

Thamil Selvan a/l Rasalingam
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Negeri (Kesihatan Awam) JKN Pulau Pinang

Mohd Najib bin Ramli
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Negeri (Kesihatan Awam) JKN Perak

Hashim bin Sairi
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Negeri (Kesihatan Awam) JKN Selangor

Hj. Norhisam bin Zawawi
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Negeri (Kesihatan Awam) JKWP KL & Putrajaya

Hj. Jumari bin Sopaman
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Negeri (Kesihatan Awam) JKN N. Sembilan

Hj. Aris bin Sahat
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Negeri (Kesihatan Awam) JKN Melaka

Hj. Mohd Fairuz bin Abu Bakar
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Negeri (Kesihatan Awam) JKN Johor

Fauzi bin Draman
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Negeri (Kesihatan Awam) JKN Kelantan

Hj. Azman bin Abdul Aziz
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Negeri (Kesihatan Awam) JKN Terengganu

Samsuri bin Md Isa
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri
(Kesihatan Awam) JKN Pahang

Helly bin Bakar
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri
(Kesihatan Awam) JKN Sarawak

Sarpani bin Kassan
Penyelia Penolong Pegawai Perubatan U36
JKN Sarawak

Sukri bin Mohamed Nor
Ketua Penolong Pegawai Perubatan Daerah
PKD Tanah Merah, Kelantan

Hj. Md Daniel bin Md Zain
Ketua Penolong Pegawai Perubatan Daerah
PKD Jelevu, Negeri Sembilan

Hj. Salleh bin Osman
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Negeri (Kesihatan Awam) JKN Sabah

Hj. Mohd Shukri bin Mohd Noor
Ketua Penolong Pegawai Perubatan U42
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala
Lumpur & Putrajaya

Muhammad Yunus bin Rasidi
Penolong Pegawai Perubatan Kanan U32
JKN Selangor

Jahidin bin Sharif
Ketua Penolong Pegawai Perubatan Daerah
PKD Melaka Tengah, Melaka

Suhaimi bin Ramli
Penyelia Penolong Pegawai Perubatan U36
Klinik Kesihatan Bandar Kuantan, Pahang

PENGHARGAAN

Dr. Nazrila Hairizan binti Nasir
Timbalan Pengarah (Kesihatan Primer)
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Mohd Safiee bin Ismail
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Zuhairi bin Hj. Omar
Mantan Timbalan Ketua Penolong Pegawai
Perubatan Negeri (Kesihatan Awam)
JKN Terengganu

Allahyarham Hj. Abdul Wahab bin Zain
Mantan Penolong Pegawai Perubatan U42
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Rokiah binti Mohd
Timbalan Pengarah (Kesihatan Keluarga)
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Mohd Sukri bin Zakaria
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Negeri (Kesihatan Awam)
JKN Perlis

Allahyarham Hj. Muhamad Hakim bin Hasim
Mantan Ketua Penolong Pegawai Perubatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

1. PENDAHULUAN

Penyeliaan merupakan suatu prosedur yang dilaksanakan bagi memastikan program yang dirancang dilaksanakan dengan lancar, berkesan dan menepati objektif yang ditetapkan. Penyelia mestilah komited dalam mempamerkan kemampuan dan potensinya untuk menjadi penyelia yang cemerlang. Seorang penyelia hendaklah menggunakan pendekatan dengan memerhati, memberi bimbingan dan menunjuk ajar, menguji kefahaman dan kemahiran, memperbetulkan kelemahan dan kesilapan, menilai keberkesanan dan keberhasilan dan merunding sesuatu perkara sebelum ia diberikan sebagai tugas.

Proses yang dinamik dan berterusan menjadikan penyeliaan itu berkesan dengan merancang, menyelaraskan, mengelolakan, memberi arahan, mengawal selia, membimbing, memantau, menilai dan menambahbaik. Penyelia perlu mengatur anggotanya melakukan tugas bukan dengan melakukan semua tugas sendiri.

10 kunci untuk menjadi seorang Penyelia yang baik dengan berpandukan istilah **SUPERVISOR** iaitu sendiri, iaitu:

- S** - Sokong Perkembangan
- U** - Utuhkan pasukan
- P** - Puji kebolehan
- E** - Evolusi kecemerlangan
- R** - Rancang tindakan
- V** - Verifikasi dapatan (maklumat)
- I** - Inisiatif diri
- S** - Selalu berkongsi
- O** - Optimalkan pemilikan
- R** - Rapatkan hubungan

Penyelia perlu memainkan peranan penting dalam melaksanakan strategi-strategi operasi. Sebagai liaison antara pihak pengurusan dengan para pekerja, Penyelia yang memahami konsep dan memiliki kemahiran tertentu dalam menjalankan tugas dapat memberikan impak yang positif kepada sesuatu perkara. Dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab seharian, penyelia sentiasa menghadapi isu-isu seperti komunikasi, perhubungan antara peribadi, konflik dan ketidakpuasan.

Penyeliaan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan merupakan salah satu bidang tugas dan tanggungjawab Ketua dan Penyelia Penolong Pegawai Perubatan di bawah Pengurusan Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah/ Bahagian/ Kawasan dan Klinik Kesihatan. Penyelia Penolong Pegawai Perubatan berperanan dalam pengurusan sumber manusia dan penyeliaan klinikal serta teknikal untuk memastikan kualiti perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan serta perkhidmatan dapat disampaikan kepada pelanggan dengan cekap, tepat dan berintegriti.

2. ORGANISASI DAN PERKHIDMATAN

2.1. Visi

Memperkuhkan tadbir urus ke arah perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan yang berkualiti.

2.2. Misi

Memastikan sistem penyeliaan perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan yang efektif supaya setiap aktiviti perkhidmatan kesihatan yang disampaikan adalah menepati kehendak dan matlamat perkhidmatan Kementerian Kesihatan Malaysia.

2.3. Objektif

- 2.3.1. Memastikan perkhidmatan yang diberi oleh Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan di fasiliti kesihatan dilaksanakan secara profesional, cekap dan berkualiti.
- 2.3.2. Memastikan pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan.

2.4. Struktur dan Pengurusan Penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan dan anggota-anggota di bawah seliaan

- 2.4.1. **Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri (KPPPN)** akan melaporkan kepada Pengarah Kesihatan Negeri dan Ketua Profesion Penolong Pegawai Perubatan berkaitan dengan penyelarasan perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan.
- 2.4.2. **Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri (Kesihatan Awam)** akan melaporkan kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) dan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri (KPPPN) berkaitan dengan pengurusan penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan.
- 2.4.3. **Ketua Penolong Pegawai Perubatan Daerah/Bahagian** akan melaporkan kepada Pegawai Kesihatan Daerah/Bahagian dan Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri (Kesihatan Awam) berkaitan dengan pengurusan penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan.
- 2.4.4. **Ketua Penolong Pegawai Perubatan Kawasan** akan melaporkan kepada Pegawai Kesihatan Bahagian dan Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan Bahagian berkaitan dengan pengurusan penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan.
- 2.4.5. **Ketua Penolong Pegawai Perubatan Klinik** akan melaporkan kepada Ketua Klinik dan Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan Daerah/Bahagian/ Kawasan berkaitan dengan pengurusan penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan.
- 2.4.6. **Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan** akan melaporkan kepada Ketua Penolong Pegawai Perubatan Klinik berkaitan dengan pengurusan penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan.
- 2.4.7. **Penyelia Penolong Pegawai Perubatan** akan melaporkan kepada Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan berkaitan dengan pengurusan penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan.

- 2.4.8. **Penolong Pegawai Perubatan Kanan** akan melapor kepada Penyelia Penolong Pegawai Perubatan berkaitan dengan pengurusan penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan.

Nota: Sila rujuk Lampiran 1.

3. SKOP PENYELIAAN

3.1. Penyeliaan dan pemantauan

Ketua dan Penyelia Penolong Pegawai Perubatan bertanggungjawab di dalam perancangan, penyelarasan, pengelolaan, pelaksanaan, penyeliaan, bimbingan, pemantauan, penilaian dan penambahbaikan dalam menjayakan program dan aktiviti perkhidmatan yang seperti berikut:

- 3.1.1. Program Kesejahteraan Kesihatan (*Wellness*) - Saringan Status Kesihatan dan intervensi:
 - a) Kesihatan Sekolah.
 - b) Remaja.
 - c) Kesihatan Dewasa (lelaki dan wanita).
 - d) Kesihatan Warga Emas.
 - e) Kesihatan Orang Kurang Upaya.
 - f) Perawatan Domisiliari.
 - g) Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN dan KOSPEN Plus).
 - h) Program Panel Penasihat Klinik Kesihatan (PPKK).
- 3.1.2. Program Rawatan Pesakit (*Illness*) - Intervensi dan rawatan pesakit luar:
 - a) Pemeriksaan dan rawatan pesakit.
 - b) Ujian diagnostik.
 - c) Prosedur klinikal.
 - d) Penjagaan luka.
- 3.1.3. Program Kawalan Penyakit.
 - a) Penyakit Tidak Berjangkit (NCD).
 - i. Diabetes, hipertensi dan kardiovaskular.
 - ii. Kanser (Program *National Cancer Registry*).
 - iii. Kesihatan Mental (Saringan Minda Sihat).
 - iv. Perkhidmatan Berhenti Merokok.
 - v. Pengurangan Mudarat dan Penyalah Gunaan Substan.
 - vi. Pencegahan Kecederaan dan Keganasan.
 - vii. Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar.
 - viii. Program Kawalan Asma (Asma Wajar)

- b) Penyakit Berjangkit :
 - i. Tibi / Hansen's (Kusta).
 - ii. HIV / AIDS & STD.
 - iii. Kawalan Vektor.
- 3.1.4. Perkhidmatan Kecemasan (termasuk di luar waktu pejabat)
 - a) Rawatan kecemasan dan trauma.
 - b) Perkhidmatan ambulans kecemasan.
 - c) Pasukan Perlindungan Perubatan.
 - d) Pengurusan Bencana.
- 3.1.5. Perkhidmatan Klinik Bergerak (darat, air dan udara).
- 3.1.6. Verifikasi kematian *undiagnosed*.
- 3.1.7. Penyeliaan Teknikal dan Klinikal (Lampian 3) :
 - a) Menjalankan penyeliaan teknikal dan klinikal.
 - b) Menyelaraskan, memantau dan menilai aspek perkhidmatan klinikal yang berpandukan kepada CPG, SOP dan protokol-protokol KKM.
- 3.1.8. Pencegahan dan kawalan infeksi :
 - a) Memantau Pematuhan *Standard Precaution* semasa menjalankan tugas.
 - b) Menyelaraskan, memantau dan menilai latihan dan program kesedaran secara berterusan berkaitan dengan kawalan infeksi.
 - c) Menggalakkan Penolong Pegawai Perubatan yang mempunyai kelayakan pengkhususan dalam bidang kawalan infeksi untuk memantau dan menyelaraskan aktiviti kawalan infeksi di fasiliti kesihatan.
- 3.1.9. Perkhidmatan Kesihatan oleh Penolong Pegawai Perubatan di agensi luar KKM :
 - a) Kementerian Dalam Negeri (Depot Imigresen, Penjara, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, PULAPOL, Pasukan Gerakan Am dan lain-lain).
 - b) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Taman Sinar Harapan, Taman Seri Putri, Rumah Seri Kenangan, Rumah Kanak-kanak, Rumah Ehsan, Desa Bina Diri dan Tunas Bakti).
 - c) Kementerian Pertahanan Malaysia.
 - d) Kementerian Pendidikan (Politeknik dan Sekolah Sukan).
 - e) Kementerian Belia dan Sukan.

3.2. Pengurusan reten dan laporan

- 3.2.1. Bertanggungjawab mengumpul, menyedia, menganalisa serta menghantar data-data dan maklumat mengenai program-program di bawah seliaan.
- 3.2.2. Hendaklah terlibat dalam sesi pembentangan laporan pencapaian di setiap peringkat.
- 3.2.3. Mengemaskini dan mempamerkan data-data pencapaian sesuatu aktiviti, program serta lain-lain data yang bersesuaian setelah mendapat kebenaran daripada pihak yang tertentu.

3.3. Pengurusan sumber

- 3.3.1. Menyelaras pengkalan data perjawatan anggota di bawah seliaan.
- 3.3.2. Mengemaskini perjawatan sedia ada dan menyediakan keperluan perjawatan semasa serta unjuran perjawatan seperti:
 - a) permohonan perjawatan baru melalui anggaran belanja mengurus.
 - b) permohonan perjawatan tambahan.
 - c) permohonan perjawatan di bawah Dasar Baru.
- 3.3.3. Menentukan penempatan dan pertukaran dalaman atau luaran Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan ke fasiliti kesihatan yang memerlukan serta bersesuaian dengan kepakaran dan kebolehan anggota.
- 3.3.4. Menetapkan keperluan sumber manusia berdasarkan norma perjawatan Penolong Pegawai Perubatan dan anggota di bawah seliaan berpandukan:
 - a) jenis fasiliti kesihatan dan tahap perkhidmatan.
 - b) beban kerja.
- 3.3.5. Menyediakan Sasaran Kerja Tahunan oleh Pegawai Yang Dinilai pada awal tahun.
- 3.3.6. Membuat penilaian Laporan Nilai Prestasi Tahunan ke atas Penolong Pegawai Perubatan (rujuk Lampiran 4) dan anggota di bawah seliaan.
- 3.3.7. Merancang dan melaksanakan mesyuarat secara berkala bersama anggota sekurang-kurangnya dua kali setahun.
- 3.3.8. Memohon peruntukan perolehan aset perubatan dan bukan perubatan.

3.4. Pematuhan akta dan peraturan

- 3.4.1. Memastikan setiap Penolong Pegawai Perubatan memperbaharui Sijil Perakuan Pembaharuan Tahunan Pembantu Perubatan dengan Lembaga Pembantu Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Akta 180 *Medical Assistants (Registration) Act 1977* sebelum 30 September setiap tahun.

- 3.4.2. Memantau dan memastikan pematuhan kepada *Standard Operating Procedure* (SOP), *Clinical Practice Guidelines* (CPG) dan garis panduan yang berkuatkuasa.
- 3.4.3. Memantau dan menguatkuasa pematuhan pakaian seragam termasuklah penggunaan tali leher (Penolong Pegawai Perubatan lelaki sahaja), tanda nama dan lencana (Penolong Pegawai Perubatan sahaja) semasa bertugas.
- 3.4.4. Memantau dan memastikan pematuhan kepada Kod Etika Pembantu Perubatan.
- 3.4.5. Memastikan setiap anggota hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh jabatan semasa menjalankan tugas.
- 3.4.6. Memastikan setiap anggota yang diberikan cuti sakit mengemukakan sijil cuti sakit dan mengambil tindakan sekiranya anggota gagal mengemukakanannya.
- 3.4.7. Memastikan semua anggota di bawah seliaan juga adalah tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan serta Perintah-Perintah Am dan sebarang ketidakpatuhan boleh diambil tindakan tatatertib.

3.5. Pengurusan latihan

- 3.5.1. Merancang, menyelaraskan dan memantau program-program Latihan Dalam Perkhidmatan termasuklah *Continous Professional Development* (CPD) serta lain-lain program pemantapan pengurusan dan amalan klinikal untuk Penolong Pegawai Perubatan serta lain-lain anggota yang berkaitan.
- 3.5.2. Memohon peruntukan kewangan untuk latihan dan program pembangunan modal insan anggota di bawah seliaan.
- 3.5.3. Memastikan anggota-anggota di bawah seliaan yang baru dilantik dan bertukar masuk diberikan orientasi berkaitan tugas dan tanggungjawab di kesihatan awam.
- 3.5.4. Merancang keperluan minimum pemilikan kelayakan Latihan Pos Basik atau Diploma Lanjutan di sesebuah klinik kesihatan berdasarkan norma yang ditetapkan. Justeru, galakkan hendaklah diberikan kepada Penolong Pegawai Perubatan yang memenuhi syarat kelayakan untuk mengikuti latihan tersebut.
- 3.5.5. Memberi galakan kepada Penolong Pegawai Perubatan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian yang lebih tinggi seperti Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.
- 3.5.6. Memberi galakan kepada semua anggota di bawah seliaan untuk menghadiri sesi *Continous Medical Education* (CME) bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kerja masing-masing.
- 3.5.7. Memastikan anggota di bawah seliaan menghadiri dan merekod aktiviti latihan di dalam *MyCPD online* Kementerian Kesihatan Malaysia. Anggota di semua gred (U29 - U54) perlu mencapai Mata CPD seperti yang ditetapkan.

- 3.5.8. Memantau Pengisian Buku Log Latihan bagi anggota di bawah seliaan dan membuat pengesahan ke atas sesuatu aktiviti (jika perlu).
- 3.5.9. Merancang, melaksana, memantau dan menilai latihan *coaching and mentoring*.
- 3.5.10. Menyelaras Latihan Pemanduan Ambulan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk pemandu-pemandu kenderaan di fasiliti kesihatan yang mempunyai ambulan (Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil:17/2012 Penambahbaikan Garis Panduan Pemanduan Ambulan Kementerian Kesihatan Malaysia).

3.6. Penyelidikan

- 3.6.1. Menganalisa data-data program yang dijalankan oleh Penolong Pegawai Perubatan di fasiliti kesihatan untuk tujuan cadangan penambahbaikan.
- 3.6.2. Meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan awam berdasarkan sebarang dapatan yang memerlukan perubahan pengurusan.
- 3.6.3. Bertindak sebagai sumber rujukan dalam aktiviti penyelidikan.
- 3.6.4. Membimbing, mendorong dan melaksanakan aktiviti penyelidikan berkaitan bidang dan program kesihatan awam.
- 3.6.5. Menggalakkan Penolong Pegawai Perubatan membuat pembentangan hasil kajian.

3.7. Pengurusan bencana

- 3.7.1. Melibatkan diri sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa Bilik Gerakan Bencana.
- 3.7.2. Melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti pengurusan bencana.

3.8. Pengurusan kebakaran

- 3.8.1. Menganggotai Jawatankuasa Pengurusan Kebakaran sebagai Penyelaras Keselamatan Kebakaran.
- 3.8.2. Melibatkan diri di dalam aktiviti Audit Keselamatan Kebakaran.
- 3.8.3. Memantau keterlibatan anggota di bawah seliaan dalam Latihan Pengurusan Pencegahan dan Kawad Kebakaran (*fire drill*).

3.9. Credentialing and Privileging

- 3.9.1. Memastikan Penolong Pegawai Perubatan yang melakukan prosedur-prosedur yang khusus melalui proses *credentialing* dan *priveleging* (C&P) dengan jayanya mengikut keperluan tempat bertugas (Garis Panduan *Credentialing and Priveleging* Bagi Penjagaan Kesihatan Primer 2010).
- 3.9.2. Hanya anggota yang telah diberikan *privilege* dibenarkan melakukan prosedur-prosedur tertentu tanpa pengawasan.

3.9.3. Senarai prosedur C&P yang diluluskan kepada Penolong Pegawai Perubatan:

- a) *Airway Management Intubations (and Defibrillation).*
- b) *Circumcision.*
- c) *Spirometry Test & Interpretation.*
- d) *Audiometry Test & Interpretation.*
- e) *Eye Examination Using Fundus Camera.*
- f) *Removal Of Epidermal Cysts (Excluding Facial And Visceral Involvement).*
- g) *Integrated Management of Childhood Illness (IMCI).*
- h) Memulakan rawatan bagi kes baru PTB Smear Positif (Sabah dan Sarawak sahaja).
- i) *Slit Skin Smear* untuk pesakit kusta (Sabah & Sarawak Sahaja) dan lain-lain prosedur yang diluluskan dari masa ke semasa.

Nota: Berdasarkan senarai prosedur C&P yang ditentukan dari masa ke masa.

3.10. Keselamatan dan kesihatan pekerjaan

- 3.10.1. Memastikan anggota di bawah seliaan mendapat latihan dan mempunyai pengetahuan bagi mengendalikan kes keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- 3.10.2. Memastikan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA).
- 3.10.3. Memantau keselamatan pesakit, anggota, fasiliti dan persekitaran tempat bertugas.

3.11. Keselamatan pesakit

- 3.11.1. Memastikan kerahsiaan maklumat pesakit mesti dipatuhi.
- 3.11.2. Memastikan pesakit, waris atau penjaga pesakit yang dikendalikan oleh Penolong Pegawai Perubatan dirujuk kepada Pegawai Perubatan jika ada sebarang pertanyaan mengenai keadaan pesakit yang dirawat.
- 3.11.3. Memantau pesakit yang dirawat oleh Penolong Pegawai Perubatan perlu ditemani oleh anggota yang sama jantina.
- 3.11.4. Memantau dan memastikan pesakit wanita ditemani oleh anggota wanita (*chaperon*) semasa dirawat oleh Penolong Pegawai Perubatan (lelaki).
- 3.11.5. Memantau dan memeriksa harta pesakit direkod dan disimpan di tempat yang selamat mengikut tatacara pengurusan harta pesakit.

- 3.11.6. Memantau dan mengingatkan anggota dari masa ke masa mengenai hak pesakit mestilah dihormati daripada segi pemberian rawatan, nasihat, penerangan tentang penyakit dan sebagainya.
- 3.11.7. Memantau dan memastikan keadaan persekitaran tempat kerja adalah selamat dan selesa serta mempunyai tanda penunjuk arah yang betul.
- 3.11.8. Memastikan rekod pesakit disimpan di tempat yang selamat mengikut tatacara pengurusan rekod.
